

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI**

(KUALA NERUS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2014

**Y.B. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA
NERUS]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah
pembiayaan yang telah diluluskan oleh institusi kewangan untuk
pemilikan rumah dari tahun 2010 hingga Jun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pinjaman perumahan kepada sektor isi rumah yang
diluluskan oleh institusi perbankan dari Januari 2010 hingga Jun 2014
adalah sebanyak RM450.8 bilion. Pada tahun 2010, jumlah pinjaman
perumahan yang diluluskan oleh sistem perbankan adalah sebanyak

RM84.2 bilion. Pada tahun 2011 pula, jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan adalah sebanyak RM95.2 bilion dan RM92.8 bilion pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013, jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan adalah berjumlah RM121.0 bilion. Setakat Ogos 2014, jumlah pinjaman perumahan terkumpul sistem perbankan telah mencapai sehingga RM374.3 bilion.